

OLEH: NORAINI HASSAN BASRI, SYED AZLAN SAYID HIZAR, MALINDA MALIK, RIDZAUDDIN ROSLAN DAN NURUL KHAIRIAH MOHAMED YUSOF
FOTO: DJOHAN SHAHRIN SHAH DAN MOHD. NAJIB MOHD. NOR

Kerajaan bertindak tegas demi pastikan tragedi kebakaran tidak berulang

Tutup pusat tahfiz tidak selamat

KUALA LUMPUR - Kerajaan mengambil pendekatan tegas apabila memutuskan akan menutup operasi mana-mana pusat tahfiz di seluruh negara yang gagal mematuhi tahap piawaian keselamatan ditetapkan selepas diberi satu tempoh masa tertentu nanti.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Kabinet telah mengarahkan Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk melakukan siasatan terlebih dulu terhadap piawaian keselamatan di semua pusat tahfiz seluruh negara bagi memastikan kejadian kebakaran di Darul Quran Ittifaqiyah di sini tidak berulang.

"Selepas itu (siasatan) beri laporan, yang mana (pusat tahfiz) tidak ikut piawaian kita bagi satu tempoh masa untuk mereka patuh. Sekiranya tidak patuh kita tutup.

"Ini soal keselamatan anak-anak kita yang tidak boleh kita kompromi dan saya setuju ini adalah seperti bom jangka, tidak boleh dipandang ringan.

"Ini soal nyawa anak-anak kita dan tanggungjawab kita, bukan soal kuasa kerajaan negeri atau Persekutuan," katanya ketika memberi ucapan pada Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1439H/2017M di Masjid



NAJIB



NAJIB turut meluangkan masa melawat lokasi kejadian tragedi kebakaran di pusat tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Wilayah Persekutuan di sini semalam.

Katanya, keputusan tersebut dicapai pada mesyuarat Kabinet pada Rabu lalu bagi memastikan semua pusat tahfiz mematuhi piawaian keselamatan yang ditetapkan.

Turut hadir pada sambutan tersebut ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri di Jabatan Per-

dana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Bahrom dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Asyraf Wajdi Dusuki.

Tegas Najib lagi, perkara tersebut melibatkan keselamatan dan nyawa anak-anak yang perlu dipertahankan sebaik-baiknya.

Najib memberitahu, insiden kebakaran pusat tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah itu masih menghantu fikiran dan sukar untuk beliau percaya bahawa ia dilakukan oleh remaja dengan perbuatan jenayah yang begitu teliti.

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan tempoh yang diberikan kepada pusat-pusat tahfiz untuk mematuhi piawaian yang ditetapkan.

Kosmo! semalam melaporkan Jabatan Bomba dan Penyelamat mengesahkan bangunan tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah sengaja dibakar selepas siasatan mendapati suspek menyembah cecair petrol pada rak tuala, rak kasut dan dinding di hadapan pintu masuk asrama di tingkat tiga sebelum menyalakan api.

Kejadian pada 14 September lalu telah mengejutkan negara apabila 21 orang pelajar dan dua orang guru pusat itu terbunuh dalam kebakaran pukul 5.43 pagi.

Reman tujuh suspek bakar tahfiz dilanjutkan seminggu



RUSDI MOHD. ISA

KUALA LUMPUR - Tempoh reman terhadap tujuh suspek yang terlibat dalam insiden membakar pusat tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Jalan Keramat Hujung di sini dilanjutkan selama tujuh hari lagi.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Senior Asisten Komisioner Rusdi Mohd. Isa berkata, tahanan reman terhadap semua suspek itu disambung sehingga Jumaat depan.

"Siasatan masih dijalankan dan kita meminta tempoh tahanan reman terhadap mereka yang berakhir hari ini (semalam) disambung.

"Perintah tahanan reman itu dilakukan di lokap Jinjang bermula 23 hingga 29 September ini," katanya ketika dihubungi semalam.

Kosmo! pada Ahad lalu melaporkan penahanan tujuh orang remaja dengan lima daripadanya dipercayai suspek utama yang terlibat membakar asrama pusat tahfiz itu dalam kejadian awal pagi 14 September lalu.

Polis menahan semua suspek tidak sampai 48 jam selepas kejadian setelah meneliti beberapa rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) di sekitar lokasi termasuk CCTV di bangunan Persatuan Pengguna Islam Malaysia.



TRAGEDI kebakaran pusat tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Kuala Lumpur pada 14 September lalu mengorban 23 nyawa.

Bomba mula pemeriksaan sejak Isnin

KUALA LUMPUR - Jabatan Bomba dan Penyelamat telah memulakan tindakan pemeriksaan terhadap pusat tahfiz di seluruh negara sejak Isnin lalu susulan daripada insiden kebakaran di pusat tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah pada 14 September lepas.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM), Datuk Wan



WAN MOHD. NOR

Mohd. Nor Ibrahim berkata, pihaknya telah mengarahkan pasukan penyiasat khas bagi meneliti hampir kesemua pusat tahfiz di seluruh negara sama ada yang berdaftar atau tidak berdaftar.

"Saya difahamkan pelbagai aspek keselamatan yang wajib ada pada sesebuah bangunan tidak dipatuhi oleh sesetengah pusat tahfiz antaranya tidak mempunyai

laluhan kecemasan untuk menyelamatkan diri, tirai besi yang kekal dipasang pada pintu serta tingkap dan juga tiada alat pemadam api.

"Jika kami mendapati bahawa ciri-ciri keselamatannya sangat lemah, kami tidak teragak-agak untuk mengeluarkan Notis Menghapus Bahaya Kebakaran dan meminta pemiliknya untuk menutup premis sehingga mematuhi piawaian yang ditetapkan.

"Jika pemiliknya masih tidak mengambil sebarang

tindakan, dia boleh didakwa di mahkamah mengikut Seksyen 33 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341)," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* malam tadi.

Tambah beliau, pihak JPBM mengalu-alukan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bahawa pemeriksaan terhadap piawaian keselamatan perlu dijalankan terhadap pusat tahfiz seluruh negara bagi mengelakkan insiden kebakaran baru-baru ini berulang.

Info Solat	23 SEPTEMBER 2017 2 MUHARAM 1439H					
	SUBUH	SYUR	PONOR	ASAR	MAGRIB	ISYA
K. LUMPUR	5:47	7:02	1:08	4:14	7:11	8:19
SHAH ALAM	5:47	7:02	1:08	4:14	7:11	8:19
SEREMBAN	5:46	7:01	1:07	4:11	7:09	8:18
MELAKA	5:45	7:01	1:06	4:10	7:08	8:17
JOHOR BAHRU	5:39	6:54	1:00	4:02	7:02	8:11
IPOH	5:50	7:03	1:11	4:18	7:13	8:22
P. PINANG	5:52	7:06	1:13	4:22	7:15	8:24
ALOR SETAR	5:51	7:05	1:13	4:22	7:15	8:24
K. TERENGGANU	5:41	6:57	1:02	4:10	7:04	8:13
KOTA BHARU	5:49	7:01	1:06	4:15	7:08	8:13
KUANTAN	5:40	6:54	1:01	4:05	7:05	8:12
KANGAR	5:52	7:08	1:13	4:23	7:15	8:24
TAWAU	4:43	5:59	12:04	3:11	6:06	7:15
KOTA KINABALU	4:46	5:55	12:08	3:17	6:18	7:19
KUCHING	5:14	6:25	12:35	3:38	6:37	7:46
MIRI	4:58	6:10	12:19	3:25	6:21	7:30

*Kawasan-kawasan sewaktu dengannya